

# Negara Islam: Pemimpin Pas bercakap 'dua bahasa'

UMNO 2 JUL 2004  
SHAH ALAM 28 Jun—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pemimpin Pas suka bercakap dalam 'dua bahasa' mengenai konsep negara Islam dan mengelirukan masyarakat di negara ini semata-mata bagi mendapatkan sokongan.

Perdana Menteri berkata, konsep negara Islam parti pembangkang itu sebenarnya tidak lebih sekadar umpan bagi mendapatkan sokongan orang Melayu dan bagi tujuan itu, Pas sanggup berjanji apa sahaja.

"Dia (Pas) cakap dua bahasa, dalam bandar dia cakap bahasa lain masuk kampung-kampung dia cakap bahasa lain," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja ke SIRIM Berhad di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bahawa Pas mengetepikan isu penubuhan negara Islam dalam pakatan pembangkang tetapi tetap meneruskan perjuangan itu dalam peringkat parti.

Menurut Pas, isu negara Islam adalah dasar perjuangan Pas sama seperti DAP yang bermatlamat bagi mewujudkan konsep 'Malaysian Malaysia'.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menambah, Pas tidak mampu melaksanakan konsep negara Islam sebagaimana yang telah dilakukan oleh UMNO sejak memerintah di negara ini.

Katanya, isu penubuhan negara Islam sebenarnya sebagai satu um-

pan Pas untuk mendapat sokongan orang Melayu.

"Jadi mereka (Pas) membuat janji dan tawaran yang mereka tahu tidak dapat dilaksanakan tidak lebih daripada UMNO buat.

"Tetapi kalau dia kata dia tidak boleh buat lebih daripada UMNO tentu orang tidak sokong dia, jadi dia buatlah janji, sekarang ini dia kata tidak janji syurga lagi tetapi mana kita tahu di kampung-kampung dia masih buat juga," jelasnya.

---

## Menuduh

Dr. Mahathir juga hairan dengan kenyataan berasingan Fadzil yang mengatakan konsep negara Islam masih belum sesuai dipraktikkan di Malaysia pada masa ini.

Menurutnya, sekiranya benar konsep penubuhan negara Islam Pas sama dengan konsep yang dibawa oleh UMNO, mengapa pemimpin parti pembangkang itu sanggup menuduh pemimpin kerajaan kafir dan sebagainya.

"Itulah apa yang dia maki UMNO tidak Islam, itulah kita hendak tahu dia punya konsep dengan apa yang kita buat.

"Kalau beza tunjuklah di mana yang kita boleh buat, kalau tidak beza janganlah kata macam-macam termasuk kafir," jelasnya.